



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HUMANITIES, PHILOSOPHY  
AND LANGUAGE (IJHPL)**

[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)



## **FUNGSI TUMBUHAN DALAM PANTANG LARANG MELAYU BERDASARKAN TEORI PENGKAEDAHAAN MELAYU**

### *FUNCTIONS OF PLANT IN MALAY TABOOS*

Fadzilah Kassim<sup>1</sup>, Norazimah Zakaria<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia  
Email: fadzilahexora@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Malaysia  
Email: norazimah@fbk.upsi.edu.my

#### **Article Info:**

##### **Article history:**

Received date: 19.01.2021

Revised date: 30.01.2021

Accepted date: 11.03.2021

Published date: 15.03.2021

##### **To cite this document:**

Kassim, F., & Zakaria, N. (2021). Fungsi Tumbuhan dalam Pantang Larang Melayu Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (13), 59-77.

**DOI:** 10.35631/IJHPL.413005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



#### **Abstrak:**

Salah satu warisan dan khazanah budaya Melayu tradisional yang amat tinggi nilainya ialah pantang larang. Pantang larang terbina daripada pengalaman hidup yang lalu yang boleh dijadikan contoh teladan dalam kehidupan sehari-hari. Dalam pantang larang, terpantul nilai-nilai luhur masyarakat dan merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Maksud tersirat di dalam pantang larang disampaikan oleh orang Melayu dengan menggunakan kreativiti dan kebijaksanaan mereka. Tujuan makalah ini adalah untuk mengenalpasti unsur tumbuhan dan menganalisis fungsi tumbuhan di dalam pantang larang Melayu. Tumbuhan dipilih kerana ia amat akrab dengan masyarakat Melayu. Unsur tersirat di sebalik fungsi tumbuhan ini diuraikan dengan membuat penilaian dan pentafsiran supaya lebih mudah difahami dan dihayati oleh masyarakat. Pemahaman dan penghayatan ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan sehari-hari khususnya dalam interaksi sesama ahli masyarakat. Makalah ini menggunakan buku *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional* (1999) yang diselenggarakan oleh Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah terbitan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. sebagai teks kajian. Makalah ini menggunakan Pendekatan Firasat berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Pendekatan Firasat diaplikasikan sebagai kerangka teori untuk melihat maksud yang dikemukakan menerusi fungsi tumbuhan dalam pantang larang Melayu. Proses ini akhirnya memenuhi matlamat paksi Teori Pengkaedahan Melayu iaitu untuk mencapai kebijakan, ketaqwaan dan kesusilaan. Analisis ditumpukan terhadap makna dan fungsi tumbuhan dalam kehidupan orang Melayu. Berdasarkan pantang larang yang dipilih, dapatkan kajian merumuskan bahawa tumbuhan berperanan sebagai tanda keakraban masyarakat Melayu dengan alam seterusnya membawa maksud yang tersirat sebagai panduan dalam kehidupan masyarakat.

**Kata Kunci:**

Fungsi, Tumbuhan, Pantang Larang, Pengkaedahan Melayu, Pendekatan Firasat

**Abstract:**

One of the heritages and traditional cultural treasures invaluable is taboo. Taboos are built from past life experiences that can be used as role models in daily life. In taboo, it reflects the noble values of society and encompasses various aspects of life. The sense of the taboos presented by the Malays to use their creativity and ingenuity. The purpose of this paper is to identify elements of the plants and analyze the function of plants in the Malay taboo. Plants were chosen because they are very familiar with the community. The implicit element behind the function of this plant is elaborated by making assessments and interpretations so that it is more easily understood and appreciated by the community. This understanding and appreciation can be used as a guide in daily life, especially in interactions among members of society. This paper uses the book *The Malay Traditional Taboos* (1999) organized by Wan Ramli Wan Muhammad and Hanapi Dollah issue Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. as the text of the study. This paper uses an approach based on the theory of Malay Studies by Hashim Awang (1989). The premonition approach is applied as a theoretical framework for the purpose submitted by the plants in Malay taboos. This process ultimately meets the goal of the Theory Methodology Malay axis which is to achieve virtue, piety, and decency. The analysis focused on the meaning and function of plants in the life of the Malay community. Based on the selected taboos, the study concluded that the plant serves as a sign of familiarity with the nature of the Malay community in turn leads to the spirit as a guide in life.

**Keywords:**

Function, Plant, Taboos, Malay Methodology, Approach Premonition

## Pengenalan

Pantang larang merupakan satu disiplin lisan yang terkandung dan diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Melayu (Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah, 1999: 1). Pantang larang diturunkan secara lisan dan diwarisi secara turun temurun. Pantang larang meliputi aspek sosial dan ekonomi masyarakat. Pantang larang bukan untuk dipercayai tetapi untuk dihayati maksud yang terkandung di dalamnya. Pantang larang seboleh-bolehnya harus dipatuhi oleh masyarakat. Menurut Taslim F dan Junaidi Syam (2007: 664), pantang larang merupakan pekerjaan atau perbuatan yang dilarang melakukannya dan apabila dilanggar, dipercayai akan membuatkan pelakunya mendapat petaka atau buruk tingkah laku. Hal ini bertepatan dengan pendapat Tenas Effendy (2003: 65) yang mentafsirkan istilah pantang larang sebagai segala perbuatan yang ditabukan berdasarkan “kepercayaan tradisional” yang mereka warisi turun temurun. Pelanggaran terhadap pantang larang dapat menimbulkan pelbagai kesan buruk baik terhadap diri pelaku maupun masyarakatnya. Hamidy (1982) menyatakan bahawa pantang larang cukup erat hubungannya dengan adat dan tradisi. Adat istiadat merupakan perkara yang sangat kental dengan masyarakat. Atar Semi (1984) berpendapat bahawa hubungan antara kebudayaan dengan masyarakat itu amatlah erat kerana kebudayaan itu sendiri

menurut pandangan ahli antropologi adalah cara suatu kumpulan manusia atau masyarakat mengadakan sistem nilainya, lebih dikehendaki dari yang lain.

Hamidy (1982) juga menegaskan pada asasnya, pantang larang sebenarnya adalah norma-norma yang memandu warga masyarakat dalam berbuat dan bertindak. Namun demikian, pantang larang tersebut akan dinilai mengikut citarasa seseorang individu. Sebahagian masyarakat lainnya pula beranggapan bahawa pantang larang tidak relevan dengan kehidupan yang serba moden ini sebaliknya hanyalah sesuatu nilai yang ketinggalan zaman. Menurut Safian Mohamad (1987: 134), walaupun pantang larang itu lahir daripada pengalaman hidup dan adat, tetapi Islam tetap menerima selagi tidak bertentangan dengan akidah umat Islam. Hal ini disebabkan nilai murni amalan budi yang ditetapkan oleh Islam itu bersifat kebaikan mutlak, kebaikan sejagat, mudah, mantap, mudah dipatuhi dan pengawasan yang menyeluruh. Islam tidak menolak semua nilai murni dan amalan pantang larang dan tidak juga menerima semuanya. Penerimaan atau penolakan sesuatu adat atau amalan pantang larang ditentukan oleh aqidah, syariat dan ikhlas. Sifat yang baik akan diterima manakala amalan yang bertentangan akan dihapuskan.

Di samping adat dan kebudayaan, masyarakat Melayu tradisional juga begitu akrab dengan alam termasuk alam tumbuhan. Menurut Muhammad Haji Salleh (2008: 148), manusia hidup dalam ruangnya – di tepi sungai, di tepi laut, paya, hutan atau bukit yang menjadi ruang hidupnya dan ruang dia mencari rezeki. Untuk mencari rezeki, dia harus mengenali ruang ini dengan amat dalamnya. Dia harus belajar tentang bagaimana musim beralih, bagaimana rentak pasang dan surut mempengaruhi hidup matinya, bagaimana tabiat binatang, unggas dan ikan terjalin dalam kewujudannya. Dia juga harus memerhatikan cara bagaimana sungai dan paya berlubuk atau berumput, bagaimana lubuk menyimpan jenis ikan yang khusus dan jenis pokok yang mungkin menjadi sumber rezeki ikan itu. Dia harus mengetahui bukan sahaja nama pokok tetapi sifat dan rasa buahnya. Hal ini menjelaskan bahawa alam memainkan peranan yang sangat penting kerana masyarakat Melayu zaman dahulu berada dalam proses interaksi, interpretasi dan integrasi dengan alam sekeliling.

Penggunaan tumbuhan sebagai lapisan tersurat dapat dilihat dengan jelas menerusi ayat-ayat berkaitan tumbuh-tumbuhan di dalam Al-Qur'an. Allah SWT menggunakan gaya bahasa pertanyaan kepada manusia agar manusia berfikir dengan akal yang dikurniakan oleh Allah SWT dan memahami dengan hati berkaitan dengan tanda-tanda kewujudan Allah SWT melalui medium perantara penciptaan alam sekeliling. Contoh perbincangan ayat ini ialah seperti dalam firman Allah SWT dalam surah al-Syura', ayat 7 yang bermaksud: "Masikhah mereka tidak memperhatikan bumi, berapa banyak Kami tumbuhkan padanya dari pelbagai jenis tanaman yang memberi banyak manfaat?". Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT mengajak manusia supaya melihat dan berfikir tentang kekuasaan Allah SWT yang telah mencipta pelbagai jenis makhluk di langit dan bumi. Terdapat dua konsep keimanan dalam ayat ini. Konsep pertama ialah konsep beriman kepada keesaan Allah SWT dan konsep yang kedua konsep beriman kepada hari akhirat. Kepelbagaiannya jenis tumbuh-tumbuhan dalam ayat ini adalah dalil tauhid yang menunjukkan tentang kekuasaan Allah SWT untuk mencipta sesuatu. Ayat ini juga menunjukkan gambaran tentang keimanan terhadap hari akhirat. Allah SWT yang menghidupkan semula tumbuh-tumbuhan dari biji benih yang telah kering dan mati.

## Permasalahan Kajian

Pantang larang merupakan peraturan larangan bagi sebuah kehidupan masyarakat atau bangsa tertentu. Sebagai salah satu unsur budaya masyarakat Melayu tradisional, pantang larang amat berguna dan bergandingan bersama adat untuk ketenteraman hidup. Pantang larang juga dianggap memberi jaminan keselamatan bagi individu sebagai penjaga diri sama ada untuk diri sendiri mahu pun orang lain. Segala apa yang dilakukan di dalam pantang larang mempunyai kesan serta merta dan juga untuk jangka panjang. Oleh itu, bagi memastikan dan mengekalkan warisan budaya pantang larang ini tidak lenyap ditelan zaman, maka kajian ini wajar dilaksanakan. Penghayatan dan pengamalan pantang larang dalam kalangan generasi muda pada hari ini juga kian terhakis dan makin dipandang sepi. Generasi muda harus disuntik dengan pengetahuan bahawa budaya pantang larang amat berkait rapat dengan alam dan masyarakat Melayu tradisional hidup dikelilingi oleh alam supaya warisan budaya ini tidak hilang daripada radar generasi muda.

Unsur alam tumbuhan dipilih dan dianalisis sebagai salah satu unsur perlambangan alam yang banyak ditemui dalam pantang larang Melayu. Hal ini demikian kerana alam tumbuhan yang digunakan dalam pantang larang bukanlah kosong semata-mata sebaliknya mempunyai maksud tersendiri yang hendak disampaikan kepada masyarakat. Dalam Surah Ar Ra'ad, ayat 4, Allah SWT telah berfirman yang mafhumnya: "Dan di muka bumi ada bahagian-bahagian yang berdampingan, kebun-kebun anggur, tanam-tanaman dan pohon kurma yang bercabang dan yang tanpa cabang. Semua disirami dengan air yang sama. Kami melebihkan rasa tanam-tanaman itu sebahagian dari yang lain. Demikianlah bukti-bukti kekuasaan Allah bagi kaum yang memikirkan." Ayat ini membuktikan bahawa alam tumbuhan memainkan peranan penting dalam masyarakat Melayu.

## Tujuan Kajian

Makalah ini mempunyai dua tujuan iaitu:

1. Mengenal pasti unsur tumbuhan dalam pantang larang Melayu berdasarkan buku *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional*.
2. Menganalisis fungsi tumbuhan menggunakan Pendekatan Firasat dalam teori Pengkaedahan Melayu.

## Bahan Kajian

Kajian ini akan ditumpukan kepada sebuah teks tentang pantang larang Melayu iaitu buku *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional* hasil karangan bersama oleh Wan Ramli Wan Mohamad dan Hanapi Dollah yang dihasilkan pada tahun 1999. Buku yang diterbitkan oleh Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., ini dihiasi dengan pelbagai ilustrasi yang menarik untuk memberi lebih pemahaman dan penerangan yang jelas berkaitan isi kandungannya. Buku yang terdiri daripada 94 halaman ini mengandungi 13 bab. Bab Satu menyentuh tentang adat dan pantang larang (unsur-unsur pantang larang, padah dan alamat) manakala Bab Dua tentang kelahiran (pantang larang wanita hamil, pantang larang selepas bersalin dan hari pantang 44 hari). Seterusnya Bab Tiga ialah berkaitan bayi dan kanak-kanak (pantang larang terhadap bayi dan pantang larang terhadap kanak-kanak), Bab Empat memperkatakan tentang lelaki, perempuan dan meminang (pantang larang ke atas lelaki, pantang larang ke atas perempuan dan pantang larang semasa meminang) manakala Bab Lima berkenaan duduk dan berdiri (pantang larang ketika duduk dan pantang larang ketika berdiri). Berikutnya Bab Enam ialah mengenai tidur, bangun, mandi dan makan (pantang larang sewaktu tidur, pantang larang ketika bangun tidur dan pantang larang sewaktu makan)

manakala Bab Tujuh pula tentang hutan dan kebun (pantang larang ketika di hutan dan pantang larang berkebun).

Bab Lapan pula tentang sawah (pantang larang bersawah), Bab Sembilan ialah rumah baru (memilih tapak binaan, meletak tiang seri dan meletakkan tangga serta pintu masuk utama), Bab 10 ialah laut dan sungai (pantang larang di laut dan pantang larang di sungai), Bab 11 ialah nobat (pantang larang alat-alat nobat), Bab 12 membeli kerbau (petua ketika membeli kerbau dan alamat membeli kerbau) manakala Bab 13 yang merupakan bab terakhir menyentuh tentang perahu (adat meletak kerja membina perahu, adat sebelum perahu digunakan, pantang larang menjaga perahu, pantang larang semasa di dalam perahu, pantang larang kepada pengguna perahu dan pantang larang dalam pekerjaan).

Buku ini sarat dengan adat dan pantang larang yang mencerminkan ketinggian pemikiran masyarakat Melayu tradisi. Isi kandungan buku ini juga dilihat menepati tajuk kajian yang akan dijalankan iaitu berkaitan unsur tumbuhan dalam pantang larang Melayu. Selain itu, buku-buku ini juga banyak menampilkan unsur perlambangan alam berbanding dengan buku-buku pantang larang yang lain. Setiap unsur perlambangan alam yang terdapat dalam pantang larang ini membawa makna yang tersendiri sama ada makna tersurat mahu pun makna tersirat dan hal ini secara tidak langsung akan membantu memudahkan kajian ini dijalankan.

### Tinjauan Literatur

Berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan, didapati sudah terdapat kajian yang menggunakan Pendekatan Firasat dalam teori Pengkaedahan Melayu. Antaranya kajian oleh Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017) yang memanfaatkan Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian mereka. Kajian mereka yang bertajuk “Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu” dihasilkan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Kajian tersebut menganalisis jati diri Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu *Suara Gunung Kehidupan* dan *Gelora Nurani*. Jati diri Melayu merupakan elemen yang terpenting kerana di dalamnya terkandung khazanah bangsa yang harus dipertahankan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Dalam konteks pembangunan dan pemantapan jati diri Melayu, kajian tersebut adalah penting kerana melalui pemahaman jati diri yang mantap akan terpancar ketatasusilaan, kebijaksanaan dan pekerti bangsa Melayu yang telah diwarisi sejak zaman berzaman. Hal ini wajar diberi perhatian terutama dalam menghadapi polemik semasa serta cabaran globalisasi yang dikatakan mampu mengubah jati diri sesuatu bangsa.

Kajian mereka ini dijalankan secara analisis kandungan dan analisis kajian menggunakan prinsip yang dikemukakan oleh Hashim Awang dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Sementara itu, aspek jati diri Melayu dalam puisi tersebut akan dianalisis melalui tiga aspek utama iaitu jati diri dalam aspek bahasa Melayu, jati diri dalam aspek agama dan jati diri dalam aspek budaya. Hasil kajian mendapati bahawa ketulenan jati diri kemelayuan yang ditunjukkan oleh A. Aziz Deraman melalui puisinya berperanan sebagai iktibar, pengajaran dan nasihat yang dapat membawa manfaat dan menemukan kemuafakatan kepada masyarakat. Hal ini kerana ianya berlandaskan kepada ajaran dan etika Islam yang menjadi jalinan prinsip penting dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Perkara ini sekaligus mencirikan kepenyairannya yang mempunyai jati diri kemelayuan yang mantap. Dapatlah disimpulkan bahawa kajian ini sebenarnya mempunyai kekuatannya yang tersendiri iaitu berupaya menampilkan jati diri Melayu yang mantap. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak meliputi semua genre dan

aspek kerana fokus kajian hanyalah terhadap puisi terpilih A. Aziz Deraman dan jati diri Melayu sahaja. Berbeza dengan kajian ini yang akan menggunakan Pendekatan Firasat dalam teori Pengkaedahan Melayu bagi mengkaji aspek berbeza iaitu fungsi tumbuhan dalam pantang larang Melayu.

Kajian berkaitan pantang larang pula telah dijalankan oleh Nur Diyana Zamani dan Hasmidar Hassan (2018) yang bertajuk “Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu dan Hubungannya dengan Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif”. Kajian tersebut dijalankan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan disiarkan dalam Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 29, 2018. Mereka mengkaji pantang larang yang merupakan satu bentuk bahasa yang sering digunakan oleh masyarakat Melayu terdahulu sebagai suatu bentuk peraturan lisan yang harus diterima oleh masyarakat sebagai satu dogma dalam kehidupan sehari-hari. Bahasa pantang larang ini terhasil daripada kepercayaan masyarakat dahulu kala berdasarkan pengamatannya terhadap alam sekitar dan kejadian alam yang bersifat ‘sebab dan akibat’. Jika bahasa pantang larang tersebut dilanggar, seseorang individu itu dikhuatiri akan menerima kecelakaan atau ditimpa perkara yang buruk. Bagi menjawab persoalan ini, maka kertas kerja tersebut mengetengahkan satu perbincangan bagi menjelaskan bahawa penghasilan bahasa pantang larang ini bukanlah sewenang-wenangnya sebaliknya didasari oleh dua idea utama teori Relevans, iaitu prinsip relevans Kognitif dan prinsip relevans Komunikatif.

Bahasa pantang larang yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dahulu ternyata merupakan bentuk bahasa yang bersifat menonjol ataupun nyata (*salient*) dan dijangkakan dapat menarik perhatian pendengar. Apabila bahasa pantang larang ini dapat menarik perhatian pendengar atas sebab cirinya yang menonjol (*salient*) ini, maka fungsinya untuk menasihati dan membentuk peribadi masyarakat yang mendukung nilai-nilai murni, beradab dan bertatasusila akan dapat dilaksanakan dengan mudah. Sebagai kesimpulannya, kajian ini berupaya membuktikan bahawa bahasa pantang larang amat besar fungsinya dalam menarik perhatian pendengar seterusnya dapat membantu dalam menasihati dan membentuk akhlak masyarakat yang penuh adab dan tatasusila. Namun begitu, kajian ini hanya menjurus kepada satu aspek sahaja iaitu aspek bahasa dalam pantang larang. Hal tersebut berbeza dengan kajian ini yang mengkaji unsur perlambangan alam iaitu fungsi tumbuhan dalam pantang larang Melayu dengan menggunakan Pendekatan Firasat dalam teori Pengkaedahan Melayu.

Kajian unsur tumbuhan sebagai salah satu unsur perlambangan alam dijalankan oleh Muhammad Zaid Daud dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Imej Tumbuhan Dalam Slanga: Analisis Semantik Inkuisitif” (2018), di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak. Kajian ini menganalisis slanga yang mempunyai imej tumbuh-tumbuhan dalam rakaman perbualan secara tidak formal. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dalam menganalisis slanga menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Dapatkan kajian diperoleh daripada perbualan secara tidak formal di sekitar Kuala Lumpur dan Kota Samarahan, Sarawak dan kemudian ditranskripsikan ke dalam bentuk transkripsi perbualan. Kajian menunjukkan terdapat sejumlah empat slanga yang mempunyai imej tumbuhan telah dikesan dalam transkripsi perbualan tersebut seperti *getah*, *tebu*, *jambu* dan *langsat* yang telah dipilih secara pensampelan bertujuan. Seterusnya, analisis Rangka Rujuk Silang (RRS) diaplikasikan bagi mendapatkan maklumat tambahan kepada pengkaji dalam menghuraikan makna slanga tersebut. Gabungan RRS dengan maklumat budaya mendalam mampu menghasilkan penghuraian makna sebenar sesuatu slanga sehingga ke akal budi penuturnya. Namun demikian, kajian tersebut hanya menjurus kepada imej tumbuhan dalam slanga dan berbeza dengan kajian ini yang mengkaji unsur perlambangan alam iaitu fungsi tumbuhan dalam

pantang larang Melayu dengan menggunakan Pendekatan Firasat berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan membuat kajian kepustakaan. Kaedah ini merangkumi pemerolehan data dan pemprosesan data. Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti pantang larang Melayu yang mengandungi unsur alam tumbuhan dan memilih pantang larang yang berkaitan untuk dianalisis. Kajian ini secara amnya memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif bagi mengkaji unsur perlambangan alam yang terkandung di dalam pantang larang Melayu. Kaedah kajian kepustakaan ini dijalankan bagi mengumpul maklumat-maklumat yang diperlukan untuk kajian ini. Kaedah ini penting untuk mencari bahan-bahan rujukan seperti buku-buku ilmiah yang ditulis oleh pakar-pakar atau sarjana-sarjana dalam bidang yang berkaitan khususnya bidang kesusasteraan. Kajian ini akan menganalisis buku berkaitan pantang larang Melayu iaitu *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional* oleh Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah (1999). Teks ini akan dianalisis dan dikupas secara terperinci dalam usaha untuk mengenal pasti unsur perlambangan alam tumbuhan yang terdapat di dalam pantang larang dan menganalisis fungsi tumbuhan dalam pantang larang Melayu. Sumber data daripada buku-buku ini dianalisis dan diteliti berpandukan kerangka teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang menggunakan Pendekatan Firasat.

### Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu termasuk dalam golongan teori yang dikenali sebagai *grounded theory* atau “teori berasas-teori berlandas” yang terbentuk dari hasil penyelidikan bersifat kualitatif; dalamnya terbangun rumusan atau formula yang berupa prinsip-prinsip umum tentang karya atau teks sastera dan amalan-amalan yang berkaitan dengan Kesusasteraan Melayu (Hashim Awang, 2003, hlm: 1). Teori Pengkaedahan Melayu tidak terbentuk daripada kekosongan tetapi berlandaskan kepada kenyataan hidup dan agama serta bangsa Melayu seterusnya sifat penciptaan kesusasteraan bangsa Melayu. Menurut Mana Sikana (1991), teori ini merupakan satu pendekatan sastera Melayu yang bertunjangkan daya kreatif, penghasilan karya sastera yang kaya, keakraban dengan gejala alam dan kehalusan budi orang Melayu. Kaedah ini jelas berdasarkan sikap hidup, kepercayaan dan berteraskan pegangan hidup Islam. Unsur moral yang terdapat di dalam teori ini begitu kuat dan hal ini merupakan satu percubaan ikhlas Hashim Awang untuk mengkonkritkan *world-view* Islam dalam kritikan sastera.

Teori ini juga berlandaskan bahawa semua aspek kehidupan manusia merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat masyarakat Melayu yang melahirkan karyanya sendiri. Teori ini menjadikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupannya yang mempunyai kaitan rapat dengan manusia. Alam dijadikan faktor utama untuk memenuhi keperluan kehidupan manusia yang memberikan mata pencarian atau pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebajikan (Hashim Awang, 2002). Semua unsur ini dilihat memiliki fungsi dan kemanfaatan yang khusus dalam kehidupan. Teori ini dianggap amat bermakna, bersesuaian dan mampu menganalisis karya sastera Melayu yang dihasilkan oleh para penulis terutama pengkarya tempatan. Muhammad Haji Salleh (2008) menegaskan bahawa konsep keindahan bahasa pasti dipinjam dan dipupuk oleh bangsa yang menciptakannya melalui waktu dan berubah mengikut perjalanan waktu.

Teori Pengkaedahan Melayu dilahirkan dengan bertunjangkan dua dasar pengkaedahan yang utama iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Kedua-dua pengkaedahan ini adalah berpadu, saling berkaitan antara satu sama lainnya dan saling kukuh

memperkuatkan. Pengkaedahan pertama dibentuk dengan berlandaskan kepada dua dasar utama yang berkaitan langsung dengan kehidupan. Menurut Hashim Awang (2002), kaedah yang berteraskan cara atau sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya. Alam itu dijadikan faktor utama untuk memberikan mereka pekerjaan atau mata pencarian, pengalaman, pengajaran dan kebajikan. Pengkedahan Alamiah diwujudkan menerusi tiga rangkaian pendekatan iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat.

Pendekatan Gunaan melihat karya sastera sebagai suatu objek atau benda ciptaan dalam alam iaitu sama seperti objek-objek lain ciptaan Allah dan karya sastera juga merupakan suatu kejadian yang mempunyai sebab, hikmat, fungsi, tujuan, ukuran serta imbalan. Selain itu, karya sastera yang dicipta oleh pengarang dengan izin Allah khususnya karya-karya sastera Melayu, paling utama diteliti dari sudut kegunaan atau kemanfaatan penghasilannya yang dapat diberikan kepada pembaca atau masyarakat, baik dilihat pada tahap luaran (ekstrinsik) maupun dalaman (intrinsik). Dengan kata lain, karya sastera ditanggapi sebagai alat yang boleh memberi guna kepada manusia dan kehidupannya pada kedua-dua peringkat zahir dan batin. Justeru, dalam keadaan yang sama juga dapat kita lakukan terhadap penelitian dan penilaian pada karya-karya sastera. Berdasarkan pegangan begini, maka sastera dapat dilihat sebagai suatu objek alam yang kejadiannya mempunyai sebab, hikmat dan fungsinya yang tertentu. Disamping itu, kejadiannya itu paling utama boleh dimanfaatkan oleh manusia sama seperti kejadian objek-objek alam yang lain (Hashim Awang, 2002).

Pendekatan Moral bermaksud pengiktibaran dan pengajaran iaitu kesedaran untuk berfikir dan bertindak dengan mengambil contoh tauladan atau pengajaran di sebalik sesuatu kejadian atau pengalaman. Dengan demikian, ia adalah bertepatan untuk menanggapi sastera dalam pendekatan ini sebagai suatu penciptaan seni yang menyingskapkan dan menyumbangkan pengalaman serta pengetahuan. Pengalaman yang tersingkap adalah pengalaman pengarang yang dirakamkan atau dipaparkan dalam karya sastera yang terdiri daripada pemerian mengenai pelbagai ragam atau jenis dan perlakuan serta perbuatan manusia yang dapat pula memperkayakan pengalaman dan juga menjadi cermin perbandingan atau pengibaratkan kepada pembaca. Tegasnya, dari karya sastera pembaca bukan sahaja dapat menimba dan memperkayakan pengalaman serta pengetahuan tetapi juga mengambil contoh tauladan atau kias ibarat untuk memperbaiki serta mempertingkatkan kehidupan. Karya sastera dalam pendekatan ini harus mampu mencontohi kitab suci Al Quran yang memiliki pelbagai nilai ketinggian iaitu di dalamnya terkandung pelbagai ilmu pengetahuan, pengisahan berbagai-bagi jenis dan perlakuan manusia untuk dipelajari dan dicontohi, penyampaian nasihat dan ajaran serta kepentingan kepada bentuk dan keindahan. Bersesuaian dengan sifatnya yang sedemikian itu, sastera dalam konteks ini dapat memberikan kemanfaatannya yang lebih jauh dan lebih besar daripada fungsinya sebagai suatu benda, maksudnya sastera kini menyingskapkan dan memberikan pengalaman (Hashim Awang, 2002).

Pendekatan Firasat pula ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang merakamkan dan memanifestasikan pengalaman hidup dan di sini kejadian tersebut dikaitkan dengan mimpi iaitu suatu pengalaman hidup yang oleh masyarakat Melayu sering dianggap sebagai bermakna kepada kehidupan (Hashim Awang, 2002). Namun, pengalaman hidup yang dimaksudkan dalam konteks ini adalah lebih mengarah kepada pengalaman penciptaan karya yang penuh dengan daya kemisterian dan keimagnatifan iaitu ia menyamai seperti suatu kejadian “mimpi” yang ternyata juga amat misteri sifatnya. Pendekatan psikoanalisis dalam tradisi teori dan kritikan kesusteraan di barat, memang menyamakan

penciptaan sebuah karya sastera dengan kemunculan sebuah mimpi yang mengandungi lapisan-lapisan “*latent content*” dan “*manifest content*” dengan berdasarkan kepada dorongan keinginan jiwa bawah sedar manusia. Dalam tanggapan atau kepercayaan masyarakat Melayu, mimpi bukan terjadi kerana dorongan sedemikian tetapi kerana kehendak Allah yang diberikan dalam berbagai-bagai keadaan mengikut jenis manusia pemimpi. Misalnya, mimpi yang benar dan baik termasuk wahyu selalu terjadi pada para rasul dan nabi manakala mimpi jahat yang dipengaruhi syaitan dan mimpi akibat refleksi mental kerap berlaku di kalangan manusia biasa. Pendekatan Firasat tertumpu kepada hakikat bahawa sastera itu mengandungi dua lapis makna, iaitu lapis makna yang tersurat dan lapis makna yang tersirat. Melalui Pendekatan Firasat, maksud pantang larang yang yang tersurat akan dapat dikaji bagi mendapatkan lapis yang tersirat iaitu makna yang lebih besar. Untuk memahami makna yang tersirat memerlukan pentafsiran. Kerja mentafsir atau mentakbir ini dapat dilakukan melalui pemahaman pada penanda-penanda yang terdapat pada lapis yang tersurat serta pada proses berfikir secara kritis dan terbuka yang berpandukan kepada akal (gerak hati) dan ilmu pengetahuan.

Pengkaedahan Keagamaan ditakrifkan sebagai pendekatan yang berteraskan kepada nilai keimanan dan ketakwaan yang bersendikan akidah agama Islam. Sumber yang paling besar dan utama yang menjadi rujukannya ialah al-Quran dan Hadis manakala pembentukannya bertujuan untuk menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah dan mempertingkatkan ketakwaan terhadapNya (Hashim Awang, 2002). Pengkaedahan ini bersendikan nilai-nilai estetika dan moral yang bersandarkan kepada pegangan yang benar dan kudus iaitu kepercayaan kepada kewujudan Allah dan keyakinan kepada sifat-sifat kebesaran, kekuasaan, kekayaan dan kesempurnaanNya. Dengan ciri-ciri itulah maka daripada kaedah suci ini, ditimbulkan juga tiga pendekatan yang masing-masing disebut sebagai pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni dan ketiga-tiganya adalah saling berhubungan antara satu sama lain (Hashim Awang, 2002).

Pendekatan Dakwah melihat sastera sebagai suatu hasil karya yang menekankan beberapa aspek yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah SWT dalam hasil kesusasteraan Islam. Sastera juga dilihat sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Menurut Hashim Awang (2002), sastera dalam maksud tanggapan kudus sebegini sewajarnya mengandungi persoalan-persoalan yang memaparkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah SWT dan sastera di sini dapat dijadikan sebagai “kitab” untuk manusia mengenali dengan lebih dekat tentang diri dan sifat Allah SWT yang bertujuan untuk menambahkan rasa kecintaan, ketaqwaaan dan keesaan yang lebih besar dan suci kepada Allah SWT. Perasaan cinta dan taat terhadapNya diperjelaskan di dalam Al-Quran untuk hamba-hambaNya iaitu Allah bersifat Ar-Rab, Ar-Rahman, Ar-Rahim dan Al-Malik. Oleh itu, manusia akan mulai bertambah yakin dan bahagia sekiranya mereka mengetahui mengenai kesempurnaan, kekuasaan, kemuliaan, kehebatan dan keagunganNya.

Pendekatan kemasyarakatan dianggap sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan untuk melihat unsur kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam. Hashim Awang (2002) menyatakan sastera sebagai satu hasil seni yang mengutamakan keintelektualan dan keindahan. Karya sastera juga dilihat sebagai alat untuk mencari konsep kebaikan dan keadilan mengikut kaca mata Islam iaitu seni yang mengutamakan keintelektualan dan keindahan. Karya sastera juga dilihat sebagai alat untuk mencari konsep kebaikan dan keadilan mengikut kaca mata Islam iaitu di samping mengamalkan falsafah amar makruf nahi mungkar dengan mengajak melakukan kebaikan dan

meninggalkan kejahanan mengikut landasan-lendasn Islam yang benar dan betul. Konsep amar makruf dan nahi mungkar bukan merujuk kepada konteks ibadat yang khusus atau fardu ain semata-mata tetapi meliputi seluruh sistem kehidupan manusia di muka bumi. Keupayaan karya sastera merupakan cara yang efektif untuk amar makruf nahi mungkar tidak dapat dinafikan dalam kehidupan. Dalam konteks ini, Hashim Awang (2002), menganggap sebagai penciptaan yang berfungsi khusus dengan membawakan perutusan atau *mission* besar untuk mensejahterakan dan membahagiakan umat manusia. Di sini, unsur amanat diletakkan pada tempat teratas di samping unsur-unsur lain seperti bentuk, teknik penceritaan dan gaya bahasa tanpa sama sekali mengabaikan kehadiran keindahan. Dengan tanggapan sedemikian, sastera dikatakan sebagai wadah untuk mendedahkan rupa bentuk kehidupan manusia yang baik dan sempurna yang direndai Allah.

Pendekatan seni digunakan untuk meneliti nilai estetika yang ada pada karya tersebut. Menurut Hashim Awang (2002), pendekatan ini menilai aspek unsur keindahan dalam karya sastera dan menjadikan unsur keindahan tersebut sebagai persoalan pokok. Keindahan yang dimaksudkan ialah keindahan yang berlandaskan nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah, ajaran dan fahaman Islam. Selain itu, pendekatan seni hendaklah dilihat bersama-sama logiknya dengan merujuk kepada penggunaan nilai-nilai keindahan dalam Islam dan bukan untuk diberi penghormatan yang tinggi terhadap penggunaan imaginasi yang tidak terbatas atau lebih mementingkan keseronokan indera tetapi hendaklah mempertingkatkan daya keintelektualan serta sifat kemanusiaan. Contohnya ketika hendak menggambarkan watak yang sedang mengalami perkembangan iman dan kesedaran ilmiah hendaklah diolah dengan cara yang meyakinkan supaya tidak timbul kepura-puraan dan tidak realistik (Hashim Awang, 2002). Dalam bentuknya yang lebih tegas, dapat disebutkan bahawa keindahan itu berteraskan tauhid. Keindahan itu dapat dikenalpasti menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaannya yang berbentuk harafiah dan dalaman, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak atau pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasanya. Tambahan daripada pemahaman ini, penting untuk difahami bahawa pendekatan seni merujuk kepada keindahan luaran dan keindahan dalaman.

### Analisis Teks

Keakraban masyarakat Melayu tradisional terhadap alam menzahirkan tanggungjawab manusia dan sebagai khalifah Allah yang diamanahkan untuk memelihara dan memakmurkan bumi ini. "Sesungguhnya bumi ini diwarisi kepada hamba-hambaKu yang soleh" (Surah Al-Anbiyaa, ayat 105). Manusia telah menerima tanggungjawab untuk menjadi khalifah Allah seperti yang disebut di dalam al-Quran : "Kami telah menawarkan amanah kepada langit, bumi dan bukit tetapi mereka semuanya enggan menanggung dan takut darinya dan manusia menerimanya" (Al-Ahzab, ayat 72). Ayat ini menjelaskan bahawa hubungan manusia dengan alam begitu akrab sekali. Dalam Al-Quran, banyak disebut tentang alam tumbuhan dan fungsinya kepada manusia. Tumbuhan sebagai makanan disebut di dalam Al-Quran menerusi ayat 95, Surah Al-An'aam yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah yang membelah dan menumbuhkan butir dan biji. Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Demikian itulah kekuasaan Allah. Maka mengapa kamu tidak mengindahkannya dan tidak muhu menyembahNya?". Ayat 99, surah Al-An'aam turut membicarakan tentang alam tumbuhan yang bermaksud: "Dialah yang menurunkan air (hujan) dari langit (awan), kemudian Kami (Allah) menumbuhkan beraneka ragam tumbuh-tumbuhan. Kemudian Kami keluarkan daun dan ranting yang menghijau. Lantas Kami keluarkan daripadanya biji dan buah yang lebat. Dan dari pohon kurma mengurai tangkai-tangkai yang menjulai dan kebun-kebun anggur, zaitun dan delima yang serupa dan berlainan bentuknya.

Perhatikanlah waktu tumbuh-tumbuhan itu berbuah dan di waktu matang buah itu. Sesungguhnya semua itu adalah bukti-bukti kekuasaan Allah bagi kaum yang beriman.” Berpandukan kalam Allah ini, terbukti bahawa alam tumbuhan memberi pelbagai manfaat kepada kehidupan manusia dan jelas tergambar dalam pantang larang yang terkandung dalam buku *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional*.

### **Menjaga Akhlak dan Peribadi Mulia**

Secara umumnya akhlak difahami sebagai suatu tingkah laku atau kelakuan yang terbit daripada motivasi atau rangsangan yang mendorong seseorang bertindak dan lama-kelamaan menjadi adat kebiasaan dalam kehidupan (Hasan Mohd. Ali, 1996). Gabungan budi pekerti luhur dan akhlak mulia mampu mewujudkan masyarakat yang harmonis, jiwa yang tenang, keyakinan yang kukuh dan tidak mudah terpengaruh dengan sebarang ancaman (Nik Azis Nik Pa, 1990: 162). Seterusnya Zakaria (1991: 164) mendefinisikan akhlak adalah nilai yang berpengaruh dalam Islam. Akhlak murni amat dituntut oleh Islam seperti yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW. Hal ini dijelaskan menerusi pantang larang **orang perempuan dilarang memanjat pokok, nanti kalau mati mayat susah dikapan** (Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah, 1999: 29). Pokok merupakan tumbuhan berkayu dalam alam tumbuhan. Sejenis tumbuhan ditakrifkan sebagai pokok sekiranya tumbuhan tersebut mempunyai akar, batang, dahan, dan daun. Pokok juga mempunyai tempoh hayat yang lebih lama berbanding tanaman yang lain. Beberapa spesies pokok tumbuh sehingga ketinggian 100 meter atau 300 kaki dan terdapat pokok yang mampu untuk hidup sehingga beberapa abad dan ada yang sehingga mencapai seribu tahun. Pokok yang biasanya tumbuh tinggi tidak wajar dipanjang oleh orang perempuan kerana kebiasaannya memanjat pokok yang tinggi adalah pekerjaan orang lelaki. Perbuatan memanjat pokok oleh orang perempuan pastinya tidak manis dipandang oleh masyarakat kerana orang perempuan lazimnya terkenal dengan sifat lemah lebut dan bersopan santun.

Pantang larang ini melarang orang perempuan daripada memanjat pokok kerana dipercayai jika meninggal kelak, mayat susah untuk dikapan. Larangan ini seboleh-bolehnya akan dipatuhi kerana jika mayat sukar dikapan, pasti akan menimbulkan keaiban pada mayat dan keluarganya dan hal ini perlu dielakkan. Kepercayaan terhadap pantang larang ini begitu menebal kerana masyarakat Melayu tradisi masih terpengaruh dengan kepercayaan animisme. Selain animisme, pengaruh agama dan budaya Hindu-Buddha turut mewarnai kehidupan masyarakat Melayu pada zaman pemerintahan Raja-Raja Hindu dan Buddha (Hamidah Abdul Wahab, 2013). Sebenarnya, soal kematian atau perkara yang berlaku sama ada sebelum atau selepas kematian adalah atas ketentuan Allah SWT dan tiada kaitan dengan perbuatan memanjat pokok seperti dalam pantang larang ini. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Taubah, ayat 51 yang bermaksud: “Katakanlah (wahai Muhammad) tiada sesuatu pun akan menimpak kami melainkan dengan ketentuan Allah. Dialah penolong kami, maka hendaklah orang yang beriman itu bertawakal kepada Allah.” Maksud tersirat di sebalik pantang larang ini ialah mahu melihat anak gadis supaya bersopan santun dan berkelakuan baik. Hal ini selaras dengan pendapat (Ghazali Darusalam, 1997: 1) yang menyatakan bahawa bagi membentuk peribadi dan budi pekerti mulia, seseorang itu harus menumpukan usaha ke arah kesempurnaan akhlak dan moral seperti yang dituntut oleh Islam Jelaslah di sini, pokok sebagai unsur alam tumbuhan di dalam pantang larang ini berfungsi sebagai panduan menjaga akhlak dan peribadi mulia khususnya bagi anak gadis.

### **Menjaga Kesihatan**

Pantang larang **budak-budak tidak boleh makan sirih, nanti mengigau malam** (Wan Ramli Wan Muhammad Dan Hanapi Dollah, 1999: 40) menggunakan unsur tumbuhan sirih. Sirih merupakan tumbuhan tradisional yang banyak digunakan oleh masyarakat Melayu. Amalan memakan sirih merupakan satu tradisi yang telah diamalkan sejak lama dahulu. Sirih juga dikunyah sebagai pencuci mulut dan makanan sampingan pada waktu lapang (Arif Akmal, 2006: 26). Amalan bersirih juga mempunyai falsafah yang tersendiri, malah sirih pinang telah meresap ke dalam budaya orang Melayu sama ada secara simbolik, aspek perubatan, magis dan makanan. Tradisi makan sirih atau bersirih ini merupakan warisan budaya silam yang telah wujud lebih daripada 3,000 tahun yang lampau (Sheppard, 1972).

Pantang larang ini bermaksud bahawa budak-budak dilarang memakan sirih dan jika dimakan, dipercayai semasa tidur malam mereka akan mengigau. Oleh itu, kanak-kanak pasti tidak mau mengigau malam dan mematuhi larangan ini. Mempercayai perkara lain selain Allah SWT termasuk dalam perbuatan khurafat kerana tidak ada yang berkuasa di dalam dunia ini selain Allah SWT. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu berpegang kepada kepercayaan animisme yang banyak dipengaruhi oleh alam sekeliling. Kepercayaan animisme bermakna bahawa setiap objek itu mempunyai jiwa, roh dan semangat yang mempunyai perwatakan sendiri dan boleh membawa kesan baik dan buruk kepada pengamalnya (Wan Aminah Haji Hasbullah dan Wan Faizah Wan Yusoff, 2012). Sebenarnya amalan memakan sirih ini begitu sinonim dengan masyarakat di Asia Tenggara termasuklah Malaysia. Sirih biasanya dimakan oleh golongan tua. Sirih dimakan bersama pinang, kapur dan gambir yang menyebabkan rasa sirih sedikit pedas dan kurang sesuai untuk dimakan oleh kanak-kanak. Tambahan pula, buah pinang yang keras menyebabkan kanak-kanak susah untuk mengunyah dan menghadamnya. Oleh itu, jika sirih dimakan oleh kanak-kanak, rasa sirih yang pedas itu akan tetap terkesan hingga ke waktu tidur sehingga membawa kepada mengigau malam. Secara tersiratnya, jika kanak-kanak mengigau sewaktu tidur, maka sudah pasti tidur mereka tidak nyenyak dan terganggu. Perkara ini seterusnya akan mengganggu kesihatan mereka. Jelas tergambar di sini, sirih sebagai unsur alam tumbuhan di dalam pantang larang ini berfungsi sebagai panduan menjaga kesihatan terutamanya bagi kanak-kanak.

### **Keperluan Hidup**

Tumbuhan sebagai panduan keperluan hidup dapat dilihat menerusi pantang larang **kanak-kanak jangan makan buah kekabu muda, nanti sakit kepala** (Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah, 1999: 25). Pokok kekabu merupakan sejenis pokok yang amat dihargai pada suatu masa dahulu. Hal ini kerana buahnya berbentuk kekaspas, merupakan satu gentian pelbagai guna yang penting. Antara lain kekabu masih digunakan sebagai isian bantal dan tilam cara tradisional. Bantal atau tilam yang disi dengan kekabu mampu bertahan sehingga 20 tahun, tetapi ia perlu dijauhkan dari air, dan dijemur dan dipukul dengan pemukul rotan bagi menyingkir debu kekabu yang telah hancur. Pokok kekabu sering terdapat di kampung berdekatan rumah kerana tumbuhan ini amat berguna. Pokok kekabu memang dikenali oleh penduduk Malaysia, terutamanya bagi penduduk luar bandar. Buah kekabu muda boleh dimakan sama ada dibuat sayur, gulai dan sebagainya.

Pantang larang ini melarang kanak-kanak agar tidak memakan buah kekabu muda kerana dipercayai dan dikhuatiri akan mendapat sakit kepala. Sakit kepala merupakan satu penyakit yang sering dialami oleh manusia tanpa mengira peringkat umur temasuk kanak-kanak. Apabila seseorang mengalami sakit kepala, seluruh rutin hariannya akan terjejas dan seboleh mungkin setiap manusia mahu mengelak daripada sakit kepala. Pasti kanak-kanak mematuhi

larangan ini untuk mengelakkan daripada sakit kepala. Percaya kepada perkara lain boleh mendatangkan kemudaran atau kebaikan selain Allah merupakan perbuatan khurafat dan wajar dihindari. Dalam perkara ini, Rasulullah SAW telah memberi amaran menerusi sabda baginda yang bermaksud: “Menyandarkan keburukan kepada sesuatu ialah syirik dan tidak termasuk ke dalam golongan kami melainkan mereka yang beriman sahaja. Sesungguhnya Allah menghilangkan syirik itu dengan tawakal.” (**Hadis Riwayat Ibnu Majah**). Sebarang penyakit atau musibah yang menimpa adalah ketentuan Allah. Sakit kepala dalam pantang larang ini tiada kaitan dengan memakan buah kekabu muda.

Secara tersiratnya, kanak-kanak dilarang memakan buah kekabu muda kerana akan menyebabkan berlaku kekurangan buah kekabu yang matang untuk diproses menjadi kekabu untuk isian bantal dan tilam yang memang menjadi keperluan setiap keluarga pada zaman dahulu. Tambahan pula lazimnya apabila kanak-kanak memakan buah seperti buah kekabu muda, mereka sering membazir dan tidak memakannya sehingga habis dan dibuang begitu sahaja kerana rasanya yang kurang enak. Justeru, pantang larang ini mengajar masyarakat supaya menjaga keperluan hidup dengan sebaiknya dan tidak dibazirkan.

Pantang larang **pantang ditanam pokok celagi pada hari Selasa, nanti menjadi tempat persinggahan hantu** (Wan Ramli Wan Muhammad, 1999: 46) turut berkait dengan panduan keperluan hidup. Pokok celagi atau asam jawa sebenarnya merupakan tumbuhan anugerah Tuhan yang mempunyai pelbagai guna. Celagi atau asam jawa merupakan komponen utama dalam masakan sehari-hari dan turut berkhasiat dalam perubatan. Maksud pantang larang ini ialah melarang pokok celagi ditanam pada hari Selasa kerana dikhuatiri akan menjadi tempat hantu singgah. Apabila disebut tentang hantu, sudah pasti pantang larang ini akan dipatuhi seboleh mungkin kerana memikirkan akan kesan buruk yang akan berlaku sekiranya pantang larang ini dilanggar. Hal ini bertepatan dengan pendapat Ismail Hamid (1995) yang menyatakan bahawa umumnya kepercayaan terhadap pantang larang selalunya dikaitkan dengan kuasa-kuasa atau kekuatan ghaib seperti semangat, penunggu, hantu atau jin, tempat keramat dan sebagainya. Menurutnya pantang larang ini terbentuk daripada kepercayaan terhadap kuasa ghaib.

Manusia sebagai khalifah di muka bumi ini amat digalakkan untuk bercucuk tanam atau berbudi kepada tanah. Anas Ibn Malik r.a. pernah meriwayatkan bahawa Nabi SAW pernah bersabda yang maksudnya: “Tiadalah seseorang Islam yang menanam suatu pokok atau menanam suatu pokok tanaman (kecil), sesudah besar dan berbuah lalu dimakan oleh burung atau oleh seseorang manusia atau binatang melainkan akan menjadi sedekah (berpahala) kepadanya” (Sahih Al-Bukhari). Dalam Islam, hantu sepertimana yang dipercayai oleh masyarakat Melayu itu sama sekali tidak wujud. Melalui perkhabaran daripada al-Quran dan sunnah, didapati apa yang diperkatakan oleh masyarakat Melayu itu tiada kena mengena langsung dengan roh orang mati, sebaliknya ia adalah iblis, jin dan syaitan. Malah, mempercayai kewujudan iblis, jin dan syaitan termasuk dalam rukun Iman yang wajib diimani. Hal ini kerana kewujudan iblis, jin dan syaitan disebut secara jelas di dalam al-Quran dan sunnah walaupun manusia tidak dapat melihatnya. Perkara ini bermakna mempercayai kewujudan kedua-duanya termasuk dalam beriman kepada Allah, Kitab dan Rasul. Firman Allah SWT dalam surah al-Dhariyat ayat 56 yang bermaksud: “Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.” Begitu juga firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 50 yang menjelaskan tentang asal usul syaitan dan iblis: “Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: “Sujudlah kamu kepada Adam: Lalu mereka sujud melainkan Iblis. Ia adalah berasal daripada

golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhan. Oleh sebab itu, patutkah kamu hendak menjadikan iblis dan keturunannya sebagai sahabat-sahabat karib yang menjadi pemimpin selain daripadaKu? Sedang mereka musuh bagi kamu, amatlah buruknya bagi orang-orang yang zalim; pengganti yang mereka pilih itu.” Oleh itu, ayat ini menekankan bahawa hanya Allah yang berkuasa dalam menentukan segala-galanya manakala manusia, pokok ataupun hari hanyalah makhluk yang lemah dan tidak berdaya.

Jika diteliti makna tersirat di sebalik larangan ini ialah supaya menanam pokok celagi pada hari lain iaitu seelok-eloknya pada hari Jumaat iaitu penghulu segala hari yang dipercayai akan membawa berkat. Hal ini memandangkan pokok celagi dan buahnya amat berguna untuk keperluan manusia sehari-hari. Oleh itu, pokok ini harus ditanam pada hari yang baik agar tumbuh subur dan bermanfaat kepada manusia. Allah SWT menjadikan hari Jumaat sebagai hari yang sangat istimewa sehingga digelar penghulu segala hari. Kelebihan hari Jumaat dapat kita fahami melalui hadis Rasulullah SAWyang bermaksud: “Sesungguhnya hari Jumaat adalah penghulu segala hari yang paling agung di sisi Allah, ia lebih besar di sisi Allah dari hari raya Aidiladha dan Aidilfitri. Padanya ada lima perkara, iaitu hari Allah menjadikan Adam, hari Allah menurunkan Adam ke bumi, padanya Allah mematikan Adam dan padanya juga ada satu saat apabila seseorang itu tidak memohon sesuatu melainkan Allah memberikannya selagi dia tidak memohon sesuatu yang haram dan padanya (hari Jumaat) berlakulah hari kiamat” (Riwayat Ibnu Majah). Jumaat adalah hari yang Allah hadiahkan kepada umat Islam. Pada hari Jumaat juga, Allah mewajibkan setiap Muslim berkumpul tanpa mengira kaya, miskin, berpangkat atau tidak untuk menghidupkan syiar Jumaat dengan mendengar khutbah serta solat bersama-sama. Dapat disimpulkan di sini bahawa pokok celagi dalam pantang larang ini berfungsi sebagai panduan untuk keperluan hidup dan sebaik-baiknya menanam pokok celagi pada hari yang baik untuk mendapat keberkatan.

### ***Menjaga Hubungan Baik***

Fungsi tumbuhan dalam menjaga hubungan baik dapat dilihat menerusi pantang larang **jangan membawa kapur semasa memetik sirih, nanti pokok sirih cepat mati** (Wan Ramli Wan Muhammad, 1999: 4). Sirih dapat dibahagikan kepada empat fungsi yang utama iaitu sebagai gambaran simbolik selain daripada kegunaan dalam aspek perubatan, magis dan makanan (Rooney, 1993). Sirih juga berfungsi sebagai gambaran simbolik dan status masyarakat selain daripada melambangkan kesantunan masyarakat, nilai estetika serta kesusastraan (Abdul Hamid, 2001). Amalan memakan sirih menjadi budaya masyarakat Melayu sejak zaman dahulu lagi. Pantang larang ini menjelaskan larangan membawa kapur semasa memetik sirih kerana dikhuatiri pokok sirih itu akan mati kelak. Pasti larangan ini akan dipatuhi kerana jika pokok sirih mati, maka sukar bagi mereka untuk mendapatkan daun sirih kerana daun sirih amat berguna dalam masyarakat Melayu lama.

Sirih melambangkan rendah diri dan kehormatan sepertimana dapat diperhatikan daripada pepohon sirih yang menjalar dan memanjang tanpa merosakkan tumbuhan perumah. Sirih lazimnya dimakan bersama kapur, pinang dan gambir sebagai pasangannya. Kapur melambangkan hati yang putih, bersih dan tulus. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku provokasi, ia akan berubah menjadi lebih agresif. Sifat ini dapat dilihat daripada asal kapur hasil pemprosesan cangkerang kerang atau batu kapur yang berwarna putih bersih tetapi boleh memberi tindak balas yang melecurkan dalam keadaan tertentu. Begitu juga halnya dengan sirih dan kapur dalam pantang larang ini. Maksud tersiratnya ialah kapur yang sifatnya agresif harus menjaga hubungan baiknya dengan sirih yang melambangkan rendah diri dan kehormatan agar tidak tercaltar. Pentingnya menjaga hubungan persaudaraan dalam Islam

ditegaskan oleh Allah SWT dalam surah Al-Hujurat, ayat 10 yang bermaksud: “Sesungguhnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara dua saudara kamu yang bertelingkah itu; dan bertakwalah kepada Allah SWT supaya kamu beroleh rahmat.” Hubungan kekeluargaan dan persaudaraan ini sangat penting bagi masyarakat Melayu bagi menjamin keutuhan mereka dalam masyarakat dan menimbulkan suasana kemesraan dalam masyarakat. Hal ini selaras dengan pendapat Zainudin Hashim (2008: 26) yang menyatakan bahawa persaudaraan itu menjadikan orang mukmin bertambah teguh dan kuat, persaudaraan itu menimbulkan suasana kemesraan dalam kalangan masyarakat. Begitu juga dengan manusia yang harus sentiasa memelihara ikatan persaudaraan atau persahabatan demi menjamin keharmonian kehidupan dalam masyarakat.

### ***Menjaga Keselamatan Diri***

Pantang larang berkaitan menjaga keselamatan ialah **jangan tidur di atas pokok, nanti dimakan langsuir** (Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah, 1999: 38). Pokok adalah salah satu daripada benda hidup yang terbesar di bumi dan hidup paling lama sehingga beberapa abad dan ada yang mencecah seribu tahun dengan ketinggian 100 meter atau 300 kaki. Pokok membekalkan makanan dan tempat untuk berlindung bagi banyak makhluk yang lain. Misalnya ada tumbuhan yang hidup pada dahan pokok atau memanjat batangnya. Kulat pula tumbuh di kulit pokok. Haiwan yang memanjat dan terbang pula tinggal di dahan-dahan pokok manakala bunga, buah dan biji benih pokok menjadi makanannya. Ada juga haiwan yang memakan daunnya atau mengunggis kayu atau kulitnya dan ada pula yang makan serangga yang hidup di atas pokok (Zubaidah Abdul Rahman, 1995: 78). Begitulah manfaat pokok yang cipta oleh Allah SWT kepada semua makhluk di muka bumi ini termasuk manusia.

Pantang larang ini bermaksud supaya jangan tidur di atas pokok, kelak dimakan oleh langsuir iaitu sejenis hantu yang amat menakutkan. Pasti anak-anak tidak berani tidur di atas pokok kerana takut dimakan hantu langsuir yang cukup menggerunkan. Menurut Hassan Baseri (1991: 39), ternyata kepercayaan yang bercorak animisme yang mempercayai kewujudan makhluk halus ini terus dipegang oleh orang Melayu walaupun telah menganuti agama Islam. Hal ini adalah kerana kepercayaan kepada animisme itulah yang menjadi asas kepada kebudayaan semua bangsa di dunia ini pada zaman lampau. Islam tidak menolak kewujudan makhluk halus, malah perkara ghaib seperti kewujudan makhluk halus wajib dipercayai kerana Rukun Iman itu sendiri terdiri dari perkara-perkara ghaib yang wajib diimani. Mengatakan makhluk halus tidak wujud bermakna melakukan satu iktikad yang merosakkan akidah. Malaikat, Jin dan beberapa makhluk halus yang lain disebut dengan jelas dalam Al-Qur'an. Menolak kewujudan mereka bermakna menolak ayat-ayat Allah dalam Al-Qur'an. Menolak ayat Al-Qur'an bermakna kita beriktikad bahawa kandungan Al-Qur'an itu tidak betul. Dengan iktikad ini, kita mencampakkan diri kita dalam perbuatan tidak beriman kepada Allah.

Berkaitan perkara ini, dari Jabir r.a. katanya Rasulullah SAW bersabda: “Tidak ada penularan, tidak ada pengaruh atau tanda bahaya suara burung dan tidak ada hantu.” (Hadis Riwayat Imam Muslim). Hadis di atas jelas menunjukkan Rasulullah SAW memberikan penjelasan mengenai beberapa perkara tasyul dan khurafat yang menjadi kepercayaan Arab Jahilliah pada satu ketika dulu. Pertama yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW ialah tidak semua penyakit itu penyakit berjangkit. Jika ada penyakit berjangkit sedang menular, terdapat satu hadis daripada Rasulullah SAW berkenaan dengan amalan kuarantin yang harus dipatuhi penduduk setempat yang mengalami penyakit tersebut dan penduduk luar yang dilarang masuk ke tempat tersebut. Rasulullah SAW juga memberikan penjelasan terhadap kepercayaan karut yang diperkatakan oleh golongan Arab Jahilliah satu ketika dulu seperti siulan burung-burung tertentu yang

dikatakan mereka sebagai alamat atau petanda kejadian tidak elok bakal berlaku. Rasulullah SAW mendidik mereka dengan hadis ini dengan menjelaskan semua perkara tersebut adalah tidak benar dan karut. Begitu juga dengan kepercayaan Arab Jahiliah satu ketika dulu yang mengatakan bahawa mayat seseorang itu boleh kembali hidup dan menjadi hantu yang bergantayangan (merayau-rayau) di kawasan perkuburan. Dengan ini jelas sekali dari hadis baginda Rasulullah SAW bahawa apa yang dikatakan hantu itu tidak wujud sama sekali. Hal ini kerana kebanyakan daripada mitos yang menyatakan asal usul hantu-hantu dengan berbagai-bagai nama ini adalah karut marut dan merupakan amalan jahiliah dan animisme.

Begitu juga dengan kepercayaan akan dimakan langsuir sekiranya tidur di atas pokok dalam pantang larang ini. Maksud tersirat di sebalik pantang larang ini adalah untuk mengelakkan bahaya terjatuh kerana tidur di tempat yang tidak sepatutnya. Hal ini adalah kerana kedudukan pokok yang tinggi dan dahannya yang kecil adalah tidak sesuai untuk dijadikan tempat tidur oleh manusia. Tambahan pula pokok adalah tempat tinggal atau habitat semula jadi bagi binatang. Justeru, larangan ini secara tersirat adalah untuk menjamin keselamatan diri daripada sebarang mara bahaya seperti terjatuh dari pokok, diserang binatang liar seperti ular dan sebagainya yang mendatangkan kecederaan mahupun maut.

Pantang larang **ibu hamil tidak dibenarkan duduk di atas rumput tanpa melapik tikar atau kertas terlebih dahulu, ditakuti bayi yang akan lahir nanti mungkin melekat di dalam rahim seperti akar yang susah ditarik keluar** (Wan Ramli Wan Muhammad, 1999: 13) turut berkaitan dengan panduan menjaga keselamatan. Pantang larang ini menggunakan unsur alam tumbuhan iaitu rumput. Rumput adalah sejenis tumbuhan yang paling lazim terdapat di dunia. Rumput merupakan tumbuhan renek atau herba. Rumput boleh hidup di darat, sungai atau laut. Tumbuhan ini sungguh lasak dan dapat tumbuh hampir di mana-mana sahaja (Zubaidah Abdul Rahman, 1995: 44). Tumbuhan jenis ini merupakan sumber makanan yang penting bagi kebanyakan haiwan. Di dalam bidang pertanian, rumput biasanya dikaitkan sebagai ‘tumbuhan perosak’ dan selalunya dihapuskan dengan beberapa kaedah kawalan rumpai. Dalam bidang perternakan, rumpai boleh dijadikan makanan haiwan ternakan terutama lembu, kambing dan biri-biri. Rumput juga mempunyai banyak kegunaan di dalam bidang perubatan moden atau perubatan tradisional.

Pantang larang ini membawa maksud larangan terhadap ibu hamil duduk di atas rumput tanpa menggunakan alas kerana dibimbangi bayinya nanti akan susah untuk ditarik keluar kerana melekat seperti akar rumput di dalam rahim. Ibu hamil pasti akan mematuhi larangan ini kerana kesannya yang amat buruk. Bagi masyarakat Melayu tradisi, penjagaan wanita hamil merupakan perkara yang sangat penting dan tidak boleh dipandang ringan. Biasanya hampir keseluruhan wanita Melayu zaman tradisi mematuhi pantang larang ini kerana tidak mahu berlakunya sesuatu yang tidak diingini. Apabila sesuatu kejadian yang ganjil berlaku misalnya anak cacat atau tercerut apabila keluar dari Rahim, sudah tentu mereka mengaitkan dengan kegagalan mematuhi pantang larang tersebut (Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah, 1999: 7). Anisah Barakkah (2007: 72) pula menyatakan pengetahuan tentang pantang larang serta penjagaan kesihatan diri serta kandungan semasa proses kehamilan lazimnya diwarisi orang Melayu secara turun-temurun. Ilmu ini menjadi rahsia dan hanya diturunkan secara lisan daripada ibu kepada anak, seterusnya kepada cucu dan terus kekal sebagai warisan. Ibu hamil harus berhati-hati sepanjang kehamilan dan sentiasa menjaga bayi dalam kandungannya. Namun jika diteliti maksud tersirat di sebalik pantang larang ini ialah untuk memastikan keselamatan ibu hamil semasa duduk di atas rumput. Hal ini kerana rumput turut menjadi habitat bagi sesetengah haiwan atau serangga berbisa seperti lipan, ular, kala jengking

dan sebagainya. Oleh itu, rumput sebagai unsur tumbuhan dalam pantang larang ini berfungsi untuk memberi peringatan kepada ibu hamil supaya menjaga keselamatan diri agar tidak digigit oleh haiwan berbisa tersebut di samping turut menjaga keselamatan bayi dalam kandungannya.

### **Pendidikan**

Alam tumbuhan sebagai panduan mendidik dapat dilihat menerusi pantang larang **anak gadis tidak boleh dipukul dengan buluh atau bemban, nanti tidak dipinang orang** (Wan Ramli Wan Muhammad, 1999: 42). Pantang larang ini bermaksud anak gadis tidak boleh dipukul dengan buluh atau bemban, nanti tidak akan ada orang masuk meminang. Ibu bapa sewajarnya menjauhi perlu menjauhi larangan ini untuk mengelakkan anak gadis mereka menjadi bahan bualan masyarakat kerana tidak dipinang orang. Buluh dan bemban merupakan tumbuhan yang fizikalnya berbentuk keras. Maksud tersirat di sebalik larangan ini ialah apabila buluh dan bemban digunakan untuk memukul anak gadis, pastinya akan meninggalkan kesan luka dan berdarah seterusnya turut meninggalkan parut yang mencacatkan kerana tubuh anak gadis adalah lembut dan tidak selasak anak lelaki.

Islam telah memberi panduan lengkap dalam mendidik anak-anak. Islam adalah agama yang menitikberatkan nilai kasih sayang. Oleh sebab itu, Nabi SAW telah dididik oleh Allah SWT seperti dijelaskanNya dalam firman yang bermaksud: "Dan jika kamu jenis yang keras hati nescaya ramai golongan yang berada di sekeliling kamu akan lari dan tidak berminat untuk menerima dakwah yang disampaikan" (Surah Ali-Imran, ayat 159). Ayat ini menjelaskan bahawa didikan harus diberi secara bijaksana dan berhemah bukan paksaan atau kekerasan. Oleh itu, konsep pendidikan anak juga mestilah berdasarkan kepada ayat tersebut. Sejarah Nabi SAW juga membuktikan Baginda tidak pernah menggunakan kekerasan atau kekasaran dalam mendidik walaupun kesalahan yang dilakukan sebahagian sahabat bercanggah dengan syariat Islam. Nabi SAW akan menjelaskan terlebih dahulu kesalahan yang dilakukan mereka di samping memberi jalan keluar dan penyelesaian kepada kesalahan itu. Jika ada yang masih ingkar, barulah kaerah rotan digunakan seperti disarankan oleh Al-Quran dalam isu solat, zina dan sebagainya. Hal ini dapat dilihat menerusi hadis Nabi SAW: "Didiklah anak kamu solat pada usia tujuh tahun dan rotanlah mereka apabila usia mereka menjangkau 10 tahun jika masih meninggalkan solat" (Hadis Riwayat Abu Dawud). Hadis ini menunjukkan bahawa kaerah mendidik dimulakan dengan galakan pada umur tujuh tahun. Selepas tiga tahun memberi tunjuk ajar secara berhemah, maka barulah Nabi SAW membenarkan ibu bapa untuk merotan anak yang masih ingkar terhadap arahan dan masih melakukan kesalahan serupa.

Merotan anak sememangnya dibenarkan dalam Islam selagi ia tidak memudaratkan dan tidak mencederakan anak. Bagi menjaga kebijakan anak, maka Islam meletakkan beberapa garis panduan dalam merotan supaya ibu bapa dapat mematuhi panduan itu. Selain itu, ia juga mampu mendorong ibu bapa supaya tidak melampaui batas dalam mendidik sehingga akhirnya mendatangkan kemudaratkan kepada anak. Antara garis panduan rotan dalam Islam ialah memastikan anak telah dididik menerusi kaerah pembelajaran terlebih dahulu sebelum rotan diguna pakai. Pastikan juga anak telah diberi peluang untuk berubah supaya mereka faham jika ibu bapa mengambil keputusan untuk merotan adalah disebabkan tindakan anak sendiri yang terus mengulangi kesalahan yang sama walaupun sudah dinasihatkan. Umur anak telah sampai 10 tahun ke atas atau umur yang layak untuk dirotan. Maknanya, ibu bapa tidak boleh merotan anak kecil. Sementara pemilihan rotan perlu sesuai dengan umur, tubuh dan kesalahan anak. Pastikan kadar rotan yang dikenakan sesuai dengan kesalahan, cara pukulan pula tidak akan mendatangkan kecederaan kekal kepada anak serta elakkan daripada sikap penderaan terhadap kanak-kanak sama ada dari sudut mental dan fizikal. Jika ingin menegur dan menghukum

sekalipun, maka gunakanlah rotan dan bukannya buluh atau bemban agar tidak mencederakan atau memudaratkan anak. Jelaslah fungsi buluh dan bemban dalam pantang larang ini adalah untuk memberi panduan kepada ibu bapa dalam mendidik anak-anak secara berhemah.

### Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan ini, dapatlah disimpulkan bahawa tumbuhan berperanan penting dalam menyampaikan maksud tersirat dalam pantang larang Melayu. Antara ketersiratan makna yang dibincangkan ialah tumbuhan sering digunakan sebagai panduan untuk menjaga akhlak dan peribadi mulia, panduan menjaga kesihatan, panduan menjaga keperluan hidup, panduan menjaga hubungan baik, panduan menjaga keselamatan dan sebagai panduan mendidik. Jelas terbukti di sini bahawa masyarakat Melayu menterjemahkan tumbuhan dalam pantang larang yang mengandungi pengajaran atau peringatan serta nasihat yang baik bagi membina sifat peribadi yang mulia seperti bertatatertib, beradab sopan dan berhemah tinggi. Atas faktor inilah yang akan menyebabkan tercapainya matlamat kebajikan, ketaqwaan dan kesusilaan. Justeru, maka fungsi tumbuhan dalam pantang larang Melayu ini perlu ditafsirkan maknanya secara tersirat agar selari dengan budaya masyarakat Melayu dan ajaran Islam seterusnya membentuk amalan hidup yang bertatasila atau tingkah laku yang syumul, baik dan harmoni.

### Rujukan

- Abdul Hamid. (2001). *Sirih Pinang dan Kebudayaan Melayu: Satu Kajian Tentang Tepak Sirih*. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Anis Barakkah. (2007). *Ensiklopedia Perbidanan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Arif Akmal. (2006). *Perubatan Melayu Tradisional dan Tumbuh-tumbuhan Herba*. Petaling Jaya: Edu Tech Publisher.
- Atar Semi. (1984). *Kritik Sastra*. Bandung: Angkasa.
- Ghazali Darusalam. (1997). *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Hamidah Abdul Wahab. (2013). “Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak”. *International Journal of The Malay World and Civilisation (Iman)*, 1 (1), 89 – 97.
- Hamidy, U. U. (1982). *Masyarakat dan Kebudayaan di Daerah Riau*. Pekanbaru: Zamrad.
- Hasan Mohd. Ali. (1996). *Akhlaq Mulia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Kertas Kerja dalam Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka*, Melaka: Riviera Bay Resort 28 - 29 Jun.
- Hashim Awang. (2003). Pengkaedahan Melayu dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Melayu Brunei. *Seminar Zaaba Mengenai Alam Melayu 1*. Institut Peradaban Melayu, UPSI.
- Hassan Baseri. (1991). Kata Pantang Larang dan Euphemism dalam Bahasa Melayu dlm. *Pelita Bahasa* hal: 3 - 12.
- Ismail Hamid. (1995). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rooney, D. F. (1993). *Betel Chewing Traditions in South-East Asia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sheppard, M. (1972). *Taman Indera. Malay Decorative Arts and Pastimes*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Taslim, F. dan Syam Junaidi. (2007). *Trombo Rokan, Buku Besar Alam Manusia dan Budaya Melayu Rokan*. Pekanbaru: Yayasan Grasibumy.
- Mana Sikana. (1991). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh. (2008). *Permata di Rumput, Gilang Sastera sebagai Ruang Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Imej Tumbuhan Dalam Slanga: Analisis Semantik Inkuisitif. *Kertas Kerja*. Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak.
- Nik Azis Nik Pa. (1990). *Program Pendidikan Pelajar Pintar Cergas*. Teori dan Praktik Kajian. Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.
- Nur Diyana Zamani dan Hasmidar Hassan. (2018). Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu dan Hubungannya dengan Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif. *Jurnal Pengajian Melayu*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Jilid 29.I
- Safian Mohamad. (1987). *Islam dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Dewan Budaya.
- Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud. (2017). Jati Diri Melayu dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *Kertas Kerja*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Tenas Effendy. (2003). *Buku Saku Budaya Melayu yang Mengandungi Nilai Ejekan dan Pantangan Terhadap Orang Melayu*. Pekanbaru: Unri Press.
- Wan Aminah Haji Hasbullah dan Wan Faizah Wan Yusoff. (2012). Penyakit Saka sebagai “Culture-Bound Syndromes” (CBS) dalam Masyarakat Melayu di Kelantan, Malaysia: Kepelbagaian Rawatan Alternatif. *Sosio Humanika*, 5 (1), 15 – 145.
- Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah. (1999). *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zainudin Hashim. (2008). *Masyarakat Tonggak Kekuatan Ummah*. Kuala Lumpur: Pustaka Yamien.
- Zakaria. (1991). “Penghayatan Nilai-nilai Islam dalam Kehidupan”. *Islam: Cabaran dan Isu Semasa*. Peny. Ismail Abdul Rahman dan Mohd. Nasir Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zubaidah Abdul Rahman. (1995). *Haiwan dan Alam Semula Jadi*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.